

# Dana Ekuinas catat pulangan baik

Oleh JOHANNA A. SOBREY

**KUALA LUMPUR** – Dana Ekuinas Direct (Tranche I) dan Ekuinas Direct (Tranche II) oleh Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) masing-masing mencatatkan pulangan portfolio kasar berjumlah RM466.4 juta dan RM331.6 juta bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016.

Dana Ekuinas Direct (Tranche I) terus menunjukkan pencapaian yang mantap dengan merekodkan kadar pulangan dalaman (IRR)

kasar tahunan sebanyak 13.1 peratus dan IRR bersih 9.4 peratus, sekali gus melepasi sasaran jangka panjang minimum tahunan sebanyak 12 peratus.

“Dalam masa yang sama, dana kedua iaitu Dana Ekuinas Direct (Tranche II) mencatatkan IRR kasar tahunan sebanyak 18.1 peratus dan IRR bersih tahunan 12.7 peratus.

Pengerusinya, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, sungguhpun mendepani keadaan ekonomi yang mencabar, namun prestasi yang

dicapai pada tahun lalu adalah baik dan terus menggalakkan.

“Bagi tahun ketujuh sejak penubuhan Ekuinas pada 2009, syarikat ini berjaya mengatasi sasaran IRR minimum sebanyak 12 peratus setahun,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung prestasi Ekuinas di sini semalam.

Bagi tahun kewangan 2016, Ekuinas melaksanakan komitmen pelaburan sebanyak RM172.6 juta dalam tujuh pelaburan langsung dan peny-

umberan luar.

Raja Arshad menjelaskan, sejak penubuhannya pada 1 September 2009, syarikat pengurusan ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu telah melaksanakan 53 pelaburan kumulatif melalui Program Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar yang berjumlah hampir RM3 bilion.

“Bersama-sama modal swasta, ia juga menggerakkan penempatan modal sebanyak RM3.6 bilion yang memberi kesan positif untuk ekonomi negara,” katanya.